

Selasa, 15 Mac 2016 @ 12:50 PM

## **Pos Malaysia sasar hantar 50 juta bungkusan**

Oleh Zanariah Abd Mutalib

[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)

PUTRAJAYA: Pos Malaysia Berhad menyasarkan penghantaran 50 juta bungkusan melalui perkhidmatan Pos Laju oleh syarikat itu pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia Berhad, Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh, berkata sebanyak 50 peratus daripada jumlah itu disumbangkan oleh perniagaan secara dalam talian.

"Penghantaran bungkusan meningkat antara lapan hingga 10 juta setahun yang mengukuhkan lagi sektor e-Dagang kami. Separuh daripada jumlah penghantaran adalah daripada pelanggan yang datang terus ke kaunter pos (perniagaan atas talian) dan separuh lagi adalah pelanggan secara kontrak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pos Malaysia Berhad di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Perangkawan, Datuk Dr Abdul Rahman Hasan. Sementara itu, Abdul Rahman berkata, pihaknya akan memulakan Banci Ekonomi 2016 pada bulan depan membabitkan 700,000 syarikat di negara ini.

"Banci ini akan siap pada November ini dan laporan Banci Ekonomi 2016 akan dikeluarkan pada Jun tahun depan," katanya.

MoU berkenaan adalah mengenai perkongsian maklumat perangkaan bagi pembangunan alamat tempat kediaman yang komprehensif dan berdasarkan amalan antarabangsa antara Jabatan Perangkaan dan Pos Malaysia.

Selanjutnya di : <http://www.bhplus.com.my/node/133916>



KETUA Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia, Datuk Dr Abdul Rahman Hasan (dua kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia, Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh (dua kanan) selepas majlis menandatangani perjanjian bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan POS Malaysia Berhad di Putrajaya. Turut kelihatan Timbalan Ketua Perangkaan Malaysia, Dr Mohd Uzir Mahidin (kiri) dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pos Malaysia, Azlan Shahrin (kanan). - Foto Mohd Fadli Hamzah

Selanjutnya di : <http://www.bhplus.com.my/node/133916>